

FPP BizNewz

January - May 2025

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

DIGITAL MARKETING
in a digital age

BRAIN DRAIN

A Point of View in Malaysia

**MENTAL
HEALTH**

Bagaimanakah Penularan

**PLANKTON
MERBAHAYA**

*Memberi Kesan kepada
Usahawan Pesisiran Pantai*

**BUKUT
KUNING**



**PERANAN
MAJIKAN
DALAM
MENANGANI
TEKANAN KERJA
PEKERJA**

BUBU NAGA

Sekat Rezeki Nelayan Tradisional

**MOTIVATING
MINDS**

*How Lecturers Can Use Positive
Reinforcement to Boost*

HUTANG
Kawan atau Lawan?

Unik tapi Benar
KANTUNG MADU KELULUT BERBEZA

RINTANGAN INSULIN

Punca, Risiko dan Hubungannya dengan Diabetes

eISSN 2600-9811



9 772600 981003

Publication Date

1 June 2025

PERANAN KOMUNITI DAN INSTITUSI

3. Sumbangan Agihan Makanan

Keprihatinan terhadap golongan asnaf merupakan satu inisiatif yang penting dalam masyarakat kita. Golongan asnaf merangkumi mereka yang memerlukan bantuan seperti fakir miskin, anak yatim, ibu tunggal, dan warga emas yang kurang berkemampuan. Sumbangan agihan makanan kepada golongan ini adalah usaha murni yang dapat membantu meringankan beban mereka serta memastikan mereka mendapat bekalan makanan yang mencukupi dan berkhasiat. Bantuan daging qurban adalah salah satu bentuk bantuan yang sangat bermakna bagi golongan asnaf, terutamanya semasa Hari Raya Aidiladha. Bantuan ini bukan sahaja memenuhi keperluan makanan harian mereka tetapi juga membawa erti simbolik dan spiritual yang mendalam.

UiTM Cawangan Perlis telah melaksanakan ibadat korban menerusi Program Semarak Qurban 2024 dengan menyaksikan penyembelihan lima ekor lembu, dengan 300 orang penerima mendapat manfaat termasuk pelajar, staf dan masyarakat setempat melalui agihan daging qurban. Agihan daging qurban yang dilaksanakan diharapkan dapat meringankan beban golongan asnaf.

4. Program Kemasyarakatan

Program kemasyarakatan merujuk kepada inisiatif yang dijalankan oleh pelbagai pihak, termasuk komuniti, NGO, dan institusi untuk membantu meningkatkan kualiti hidup golongan asnaf melalui pelbagai bentuk bantuan dan sokongan. Meraikan golongan asnaf melalui program dan aktiviti yang menarik adalah satu usaha yang mulia dan penting untuk memastikan mereka tidak merasa terpinggir dalam masyarakat. Program dan aktiviti yang disusun dengan baik bukan sahaja dapat meringankan beban kewangan mereka tetapi juga membantu dalam pembangunan diri, akademik, dan sosial. Seramai 30 orang anak yatim dan asnaf diraikan dalam program "UiTM Perlis@Komuniti: Rehlah Mahabbah bersama RKK Arau". Program ini bertujuan menyantuni anak-anak yatim dan asnaf agar tidak terpinggir.

Kesimpulan

Peranan komuniti dan institusi dalam membantu golongan asnaf adalah amat penting dalam usaha memerangi kemiskinan. Melalui bantuan dari segi kewangan, pendidikan, perumahan, sokongan emosi, dan kerjasama yang erat, kita dapat melihat transformasi positif dalam kehidupan asnaf. Usaha berterusan dan solidariti dalam masyarakat akan terus menjadi pemangkin kepada perubahan yang lebih baik, membantu golongan asnaf keluar dari kitaran kemiskinan dan mencapai kehidupan yang lebih sejahtera.

Rujukan

Nor Asmira Mat Jusoh, Zanirah Mustafa@Busu, Noraini Junoh, Norazmila Yusof, Ahmad Murshidi Mustapha. (2022). Pendidikan Asnaf Fakir dan Miskin Melalui Sinergi Dana Zakat dalam Membasmi Kecederaan. *Konsep: Journal of Islamic Education*, 1(1), 95-200. <https://majmuah.com/journal/index.php/konsep/article/download/200/95/>

Sim, W. J. (2022, Mac 4). Laksana Segera Program Atasi Isu Kemiskinan, Jurang Pendapatan. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/03/939371/laksana-segera-program-atasi-isu-kemiskinan-jurang-pendapatan>

Bagaimanakah Penularan Plankton Merbahaya Memberi Kesan Kepada Usahawan Persisiran Pantai?

Alya Balqis Mohd Jais, Zikry Hakim Zainal Abidin, Sharir Aizat Kamaruddin, Muhammad Rusli Hakim, Muhammad Iman Fazley Abdullah, Muhammad Faiz Abd Rahim, Nur Farah Adibah Mas Shamsudin
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Perlis, Malaysia
Emel Koresponden: shariraizat@uitm.edu.my

Kemiskinan sering dikaitkan dengan warga yang mendiami kawasan bandar dan pendalaman yang terbeban dengan kos sara hidup yang tinggi. Namun, kemiskinan juga boleh dihadapi oleh golongan peniaga persisiran pantai terutamanya usahawan-usahawan muda yang bergantung rezeki kepada alam sekitar untuk meneruskan kelangsungan hidup. Isu kemiskinan ini secara tidak langsung telah membawa kepada pelbagai cabaran hidup yang kompleks dalam kalangan komuniti nelayan tersebut. Kesan daripada kemiskinan yang dilalui oleh mereka sedikit sebanyak akan menjejaskan kehidupan seharian serta sosio-ekonomi di mana mereka mungkin akan berhadapan dengan krisis bekalan makanan yang tidak mencukupi sekali gus menjurus kepada masalah tidak cukup makanan atau kelaparan.

Makanan adalah salah satu keperluan harian manusia yang amat penting demi meneruskan kelangsungan hidup namun, gangguan terhadap keperluan ini akan memberi kesan yang mendalam terhadap para usahawan persisiran pantai. Keadaan laut dan pantai yang baik adalah penting demi kelangsungan hidup usahawan persisiran pantai untuk mengelakkan mereka dari terjerumus dalam kantung kemiskinan.

Salah satu masalah yang menjadi kerisauan kepada para peniaga di persisiran pantai adalah kejadian lambakan plankton merbahaya yang mampu memberi kesan negatif kepada sektor pelancongan dan sosioekonomi tanpa kita sedari. Bagaimanakah penularan plankton merbahaya memberi kesan kepada usahawan persisiran pantai? Penularan plankton memberi impak yang ketara kepada usahawan pantai melalui bilangan ketumpatan plankton yang tidak terkawal akibat daripada pencemaran yang berpunca daripada aktiviti perindustrian yang membuang sisa toksik tidak terawat secara terus ke dalam laut.

Hal ini bukan sahaja memberi kesan terhadap hidupan laut, malahan turut memberi kesan kepada sektor pelancongan. Kesan pencemaran sudah tentu akan menjejaskan tahap kualiti air seterusnya menghadkan aktiviti para pelancong yang ingin melakukan aktiviti berkaitan dengan air, seperti aktiviti berperahu, snorkeling dan menyelam. Kelangsungan sektor ini bergantung pada daya tarikan dan kesihatan perairan pantai (Loi et al., 2022). Ketiadaan pelancong yang mengunjungi kawasan pantai turut menjejaskan hasil pendapatan terhadap peniaga pantai yang menawarkan servis aktiviti air. Para usahawan pantai perlu bertarung dengan kemiskinan kerana keadaan ekosistem marin yang terjejas kadang kala memerlukan masa yang lama untuk kembali pulih.

Umum mengetahui bahawa laut atau pantai merupakan tempat yang amat cantik serta menenangkan. Bunyi ombak boleh dianggap sebagai terapi pada sesetengah individu. Seperti yang diketahui, hidupan laut seperti ikan, kerang-kerangan, rumpai laut serta terumbu karang merupakan hidupan yang menghuni badan air. Namun, terdapat juga hidupan lain yang menghuni badan air tersebut serta memainkan peranan penting dalam rantaian makanan iaitu plankton.

Plankton merupakan organisma mikroskopik yang hidup di dalam air seperti laut, tasik, sungai serta kolam (Reynolds, 2001). Disebabkan saiz yang amat kecil, plankton tidak dapat dilihat dengan mata kasar kerana perlu menggunakan mikroskop untuk mengenal pasti organisma tersebut. Plankton terbahagi kepada dua kumpulan iaitu fitoplankton (tumbuhan) dan zooplankton (haiwan) seperti diatom dan pelbagai alga mikroskopik lain. Kehadiran plankton adalah penting untuk ekosistem akuatik namun, ketumpatan yang berlebihan akan memberi kesan kepada pelbagai sektor. Salah satu cara untuk mengetahui sama ada badan air mempunyai populasi plankton yang besar atau tidak adalah dengan melihat kejernihannya. Air yang sangat jernih biasanya mempunyai kurang ketumpatan plankton daripada air yang berwarna lebih hijau atau coklat.



Gambar 1:
Aktiviti
rekreasi
pantai yang
diselenggara
oleh
usahawan-
usahawan
persisiran
pantai yang
boleh terjejas
akibat
fenomena air
pasang merah

Walaupun populasi plankton diperlukan untuk ekosistem marin terus berkembang maju, jumlah plankton yang berlebihan dalam satu kawasan boleh menimbulkan masalah alam sekitar yang serius. Apabila populasi plankton tiba-tiba meningkat secara tidak terkawal, situasi ini disebut sebagai "ledakan alga" kesan daripada peningkatan tahap nutrien misalnya nitrat, fosforus serta ammonia (Kirkpatrick et al., 2004). Hal ini menyebabkan beberapa spesies fitoplankton (dinoflagellate) tertentu membebaskan toksin berbahaya seperti Pyrodium bahamense dan Margalefidinium polykrikoides. Spesies ini mempunyai rona merah kecoklatan dan menjadi asbab fenomena air laut berwarna merah serta mendapat gelaran "air pasang merah (red tides)". Keadaan ini boleh menyebabkan kematian ikan yang tinggi dan kerosakan lain kepada ekosistem marin (Martin & Martin, 1976). Ikan tercemar yang ditangkap dan dihidangkan kepada manusia juga boleh menyebabkan penyakit seperti Paralytic Shellfish Poisoning (PSP) dan juga kematian.

Implikasinya, toksin yang dihasilkan oleh beberapa alga semasa air pasang merah boleh menyebabkan kematian ikan secara besar-besaran (Chan, 2015). Ini mengurangkan ketersediaan ikan untuk proses menangkap ikan secara komersial dan rekreasi, secara langsung memberi kesan kepada tangkapan dan pendapatan nelayan seterusnya menyebabkan kemiskinan jika keadaan ini berterusan untuk jangka masa yang panjang. Bagi para nelayan yang bergantung sepenuhnya terhadap sumber pendapatan dari air, hal ini akan menyebabkan mereka sukar untuk menampung kos sara hidup terutamanya bagi keluarga yang mempunyai ahli keluarga yang ramai seterusnya mengakibatkan kelaparan berlaku.

Selain itu, tidak asing kita ketahui bahawa laut merupakan salah satu tarikan bagi para pelancong. Namun, fenomena air pasang merah sering mengakibatkan pantai ditutup kerana bimbang akan memberi kesan terhadap kesihatan (Mishra, 2023). Kehadiran alga toksik boleh menyebabkan air tidak selamat untuk berenang dan aktiviti rekreasi lain. Perniagaan tempatan yang bergantung kepada pelancongan, seperti hotel, restoran dan pengendali pusat pelancongan akan mengalami kerugian ekonomi yang ketara semasa fenomena ini. Bilangan pelancong yang berkurangan boleh menyebabkan penurunan hasil pendapatan dan menyebabkan individu kehilangan pekerjaan.

Sebagai kesimpulan, laut dan pantai merupakan destinasi yang amat menarik bagi banyak individu kerana keindahan pemandangannya dan ketenangan yang ditawarkan. Walaupun plankton mempunyai saiz yang kecil dan tidak dapat dilihat dengan mata kasar, plankton memainkan peranan besar dalam ekosistem akuatik sebagai asas siratan makanan laut. Namun, ketumpatan plankton yang berlebihan boleh menyebabkan fenomena seperti "air pasang merah", membawa kepada kesan negatif yang serius, termasuk kematian ikan dan gangguan ekosistem marin.

Rujukan:

Chan, T. (2015). Ciguatera fish poisoning in East Asia and Southeast Asia. *Marine Drugs*, 13(6), 3466–3478. <https://doi.org/10.3390/md13063466>

Kirkpatrick, B., Fleming, L. E., Squicciarini, D., Backer, L. C., Clark, R., Abraham, W., ... Baden, D. G. (2004). Literature review of Florida red tide: Implications for human health effects. *Harmful Algae*, 3(2), 99–115. <https://doi.org/10.1016/j.hal.2003.08.005>

Loi, J. X., Chua, A. S., Rabuni, M. F., Tan, C. K., Lai, S. H., Takemura, Y., & Syutsubo, K. (2022). Water quality assessment and pollution threat to safe water supply for three river basins in Malaysia. *Science of the Total Environment*, 832, 155067. <https://doi.org/10.1016/j.scitotenv.2022.155067>

Martin, D. F., & Martin, B. B. (1976). Red tide, red terror. Effects of red tide and related toxins. *Journal of Chemical Education*, 53(10), 614. <https://doi.org/10.1021/ed053p614>

Mishra, S. (2023, March 13). 5000-mile blanket of toxic red seaweed invades Florida. *The Independent*. <https://www.independent.co.uk/climate-change/news/florida-red-seaweed-invades-b2299554.html>

Reynolds, C. (2001). Plankton, status and role of. In *Encyclopedia of Biodiversity* (pp. 569–599). <https://doi.org/10.1016/B0-12-226865-2/00339-4>



Gambar 2: Sumber makanan laut yang terjejas akibat penularan plankton merbahaya memberi kesan kepada sumber pendapatan nelayan persisiran pantai

KESAN BOM IKAN KEPADA SUMBER PENANGKAPAN DAN REZEKI NELAYAN

Muhammad Rusli Hakim, Muhammad Irman Fazley Abdullah, Muhammad Faiz Abd Rahim, Nur Farah Adibah Mas Shamsudin, Sharir Aizat Kamaruddin, Alya Balqis Mohd Jais, Zikry Hakim Zainal Abidin
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Perlis, Malaysia
Emel Koresponden: shariraizat@uitm.edu.my

Walaupun terdapat banyak inisiatif yang dijanakan oleh kerajaan Madani hari ini, masih banyak lagi komuniti nelayan yang masih terperangkap dengan masalah kemiskinan dan kelaparan. Golongan B40 di kalangan warga nelayan terutamanya komuniti nelayan tradisional dan persisiran pantai boleh terjejas sumber pendapatan mereka apabila punca pencarian mereka diganggu atau disekat oleh para pengebom ikan yang sering merosakkan habitat dan kesejahteraan hidupan marin. Kehilangan dan penurunan hasil tangkapan laut akibat aktiviti ini menutup ruang dan peluang para nelayan untuk keluar dari kepompong kemiskinan (Guard & Masaiganah, 1997).

Penggunaan bom ikan atau bahan letupan lain untuk menangkap ikan telah menjadi isu serius yang mempengaruhi sumber penangkapan nelayan dan ekosistem laut. Bom ikan juga mempunyai implikasi yang mendalam seperti memperburuk masalah kemiskinan yang dihadapi komuniti nelayan (Slade & Kalangahe, 2015). Hasil letupan daripada bom tersebut boleh membunuh ikan muda secara rambang yang belum mencapai tahap kematangan ideal, serta boleh mencederakan pelbagai spesis haiwan laut lain seperti penyu. Lebih buruk lagi letupan di dasar laut juga mengakibatkan kemusnahan terumbu karang, sekali gus mengurangkan rangka karang-karang yang keras hingga berlakunya runtuh dalam skala yang besar. Terumbu karang adalah habitat marin semulajadi dan sumber makanan penting di mana ikan-ikan serta hidupan marin bergantung sepenuhnya. Tanpa terumbu karang, ekosistem marin akan terjejas dengan teruk.

Kesan pertama penggunaan bom ikan terhadap sumber penangkapan nelayan adalah kemusnahan habitat marin. Bom ikan menyebabkan kerosakan yang teruk kepada ekosistem bawah laut, termasuk terumbu karang dan kawasan pembiakan ikan (Nunes et al., 2015). Apabila bom meletup, ia bukan sahaja membunuh ikan yang ingin ditangkap tetapi juga mengakibatkan kematian banyak spesis lain serta merosakkan struktur habitat yang penting untuk kelangsungan hidupan marin. Kerosakan ini mengurangkan populasi ikan dan mengganggu keseimbangan ekologi, menjadikan kawasan tersebut tidak lagi produktif untuk aktiviti penangkapan ikan. Akibatnya, nelayan terpaksa mencari sumber lain yang boleh menyebabkan penurunan pendapatan dan ketidakstabilan ekonomi dalam komuniti mereka.



BizNewz 2025
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com